

20 PELAJAR UniMAP DISAMBAR TESSOLVE SEMICONDUCTOR

Kangar, 20 Julai - Seramai dua puluh pelajar tahun akhir Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ditawarkan pekerjaan di syarikat Tessolve Semiconductor Sdn. Bhd. di Pulau Pinang sebelum bergraduasi pada Oktober 2018 nanti.

“Mereka ini akan memulakan tugas mereka pada Ogos nanti,” kata Penolong Pendaftar Kanan, Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan (CIGC) UniMAP, Dr. Ruswahida Ibnu Ruslan ketika dihubungi pemberita baru-baru ini.

“Ini merupakan kumpulan pertama dan kedua yang melibatkan 58 pelajar dari tiga pusat pengajian yang dipanggil untuk sesi temuduga pada Mei di UniMAP dan 24 Jun lalu di salah sebuah hotel di Pulau Pinang.

“Dari jumlah tersebut, kumpulah pertama yang diambil bekerja adalah 11 orang manakala kumpulan kedua yang ditawarkan pekerjaan adalah sembilan pelajar dan mereka ini akan melaporkan diri pada Ogos iaitu dua bulan awal dari tarikh mereka bergraduasi,” katanya.

Mereka adalah dari Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Mikroelektronik (lima orang), PPK Komputer dan Perhubungan (11 orang) dan empat daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) Elektronik.

Menurut Ruswahida, mereka ini terpaksa melalui beberapa proses seperti penilaian mengenai pengetahuan teknikal, sesi taklimat dan juga temuduga oleh mereka yang berpengalaman dari syarikat tersebut.

“Kebanyakan penemuduga didatangkan khas dari Bangalore, India dan hanya dua orang sahaja penemuduga dari Malaysia,” katanya.

Tambahnya lagi, pelajar ini beruntung kerana berpeluang untuk mengembangkan kerjaya mereka di syarikat Tessolve kerana ia merupakan sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan dan solusi bagi Chip Solutions, Hardware Solutions, Software Solutions dan Embedded Solutions.

“Syarikat ini menyediakan perkhidmatan kepada syarikat seperti Intel, Broadcom, Qualcomm, Texas Instruments, NXP, National Instruments, Cadence, Jetter, Coyote.

“Peluang diterima bekerja walaupun sebelum bergraduat menunjukkan bahawa graduan UniMAP laris dipasaran pekerjaan dan ini sekaligus membuktikan bahawa kurikulum UniMAP menepati kehendak industri,” katanya.

Disediakan oleh Unit Media UniMAP